

Kerajaan komited bantu tambah populasi penyu

KUALA TERENGGANU - Sebut sahaja Terengganu, sudah pasti ikon penyu mula bermain di fikiran pengunjung luar negeri ini malah, mamalia itu turut menghiasi kebanyakan papan tanda dan juga simbolik-simbolik mengaitkan Terengganu.

Bagaimanapun, bagi memastikan penyu terus kekal untuk dilihat dan disentuh dalam jangka masa panjang, pelbagai pihak perlu memainkan peranan memastikan ia tidak pupus sekaligus identiti Terengganu hilang begitu sahaja.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Dr Azman Ibrahim berkata, kerajaan negeri sangat mengambil berat berhubung pemuliharaan penyu dan sebuah tabung telah ditubuhkan bagi menyalurkan peruntukan khas dalam usaha menjaga populasi penyu.

Menurutnya, kerajaan negeri telah memperuntukkan sebanyak RM8,237,432 kepada Tabung Penyu sejak 2005 hingga 2018 dalam usaha menjaga mamalia purba itu terus selesa berada di perairan Terengganu.

"Pada tahun 2017 kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM212,000 kepada Tabung Penyu dan jumlah sama juga (RM212,000) telah diberikan pada tahun ini.

"Peruntukan ini (Tabung Penyu) digunakan untuk pelbagai aktiviti pemuliharaan penyu termasuk juga memberi gaji kepada kakitangan, membeli telur penyu yang dikutip oleh pengumpul bagi tujuan penetasan dan melepaskan anak penyu kembali ke laut," katanya kepada *Sinar Harian*.

Azman percaya, melalui peruntukan sebegini mereka yang terlibat secara langsung dalam pemuliharaan penyu dapat terus memastikan hidupan itu masih membiak dengan baik di negeri ini.


Katanya, kerajaan negeri akan terus komited menyalurkan peruntukan kepada Tabung Penyu yang diurus Jabatan Perikanan

Negeri demi memastikan pemuliharaan penyu berterusan dan mengelak daripada kepupusan.

Beliau yakin, dengan jumlah peruntukan dan sokongan daripada kerajaan negeri itu, aktiviti pemuliharaan dapat dilakukan secara berterusan oleh pihak bertanggungjawab.

Selain pihak yang telah diwajibkan untuk pemuliharaan penyu, komuniti setempat dan juga nelayan turut diberi kesedaran bahawa penyu adalah spesies terlindung yang perlu dilindungi dan diselamatkan.

Sementara itu, Pengarah Perikanan negeri, Zawawi Ali berkata, pihaknya juga tidak kurang hebatnya berperanan memastikan penyu dilindungi dan pelbagai usaha juga sering diadakan terhadap pihak yang meng-



ZAWAWI

galakkan kepupusan penyu melalui penguatkuasaan.

Katanya, laporan terkini diterima menunjukkan sebanyak 50 kes kematian penyu direkodkan di seluruh Terengganu disebabkan masalah-masalah tertentu.

Zawawi berkata, pihaknya komited melakukan operasi yang menggalakkan kepupusan penyu seperti penggunaan pukat pari yang turut dikaitkan sebagai punca utama kematian penyu.

Tambahnya, Operasi Khas Pukat Pari bagi 2018 telah dilakukan sebanyak lima kali sehingga minggu pertama September lalu melibatkan rampasan sebanyak 26 bidang pukat pari.

"Statistik kematian penyu direkodkan pada 2016 sebanyak 70 ekor, manakala pada 2017 pula sebanyak 20, tetapi bagi tahun ini, laporan menunjukkan 50 kematian penyu direkodkan di seluruh negeri.

"Saya berharap jumlah kematian ini dapat dikurangkan terutama yang berpunca daripada kecuaian manusia bagi memastikan populasi penyu terus hidup di Terengganu," katanya.

Melalui peruntukan sebegini mereka yang terlibat secara langsung dalam pemuliharaan penyu dapat terus memastikan hidupan itu masih membiak dengan baik di negeri ini." - Azman

